



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**26 Oktober 2019**

1. Peniaga beri lebih daging percuma untuk makanan kucing; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Sentral</b>	<b>Muka Surat</b> <input type="text" value="52"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>26.10.2019</b>			

## Peniaga beri lebih daging percuma untuk makanan kucing

**Seremban:** Seorang peniaga tidak menyangka lebih daging sejuk beku yang dihasilkan selepas dipotong dengan mesin, mendapat permintaan untuk dijadikan makanan kucing.

Mohd Suhaimi Abu, 40, berkata ini kerana sejak membuka perniagaan menjual makanan sejuk beku lapan bulan lalu, lebih pelbagai jenis daging termasuk lembu, kambing, ayam dan organ dalaman itu hanya dibuang.

Bagaimanapun, katanya, beberapa bulan lalu, ada individu memaklumkan kepadanya lebih daging itu boleh direbus untuk dijadikan makanan kucing.

"Oleh kerana sayang untuk membuang baki daging itu, saya tawarkan untuk diberikan secara percuma kepada orang ramai yang mempunyai kucing.

"Tidak sangka tawaran yang dibuat menerusi Facebook (FB) itu

mendapat permintaan tinggi, malah ada yang menelefon dari Melaka dan Johor untuk mendapatkan lebih daging itu," katanya ketika ditemui di kedai sejuk beku miliknya di Dataran Centrio, Seremban 2, di sini.

Bapa kepada enam anak itu berkata, setiap hari lebih 10 orang datang ke kedainya bertanyakan lebih daging itu tetapi ia hanya dapat diberikan kepada mereka yang sampai awal sahaja.

Malah, katanya, ada juga hari yang tiada langsung lebih daging itu kerana tiada daging sejuk beku yang dipotong atau dijual.

"Saya dapat memberikan antara sekilogram sehingga tujuh kilogram lebih daging bergantung kepada jumlah kucing yang dibela.

"Ada juga yang datang adalah mereka yang membela kucing jualan dalam jumlah yang banyak

dan mereka sangat berterima kasih kepada saya kerana membuat sedekah seperti itu kerana dapat mengurangkan beban mereka," katanya.

Katanya, walaupun ada permintaan ke atas lebih daging itu, dia enggan berbuat demikian walaupun ia hanya untuk dijadikan makanan kucing.

Mohd Suhaimi berkata, apa yang dilakukannya lebih kepada tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan dia gembira apabila pemilik kucing memberitahu haiwan kesayangan mereka lebih sihat selepas makan daging rebus itu.

Katanya, ketika ini dia mempertimbangkan untuk menetapkan hari yang sesuai untuk diberikan lebih daging berbanding ketika ini setiap hari orang perlu menelefon atau datang ke kedai untuk bertanyakan stok.



Suhaimi menunjukkan lebih daging sejuk beku yang dihasilkan selepas dipotong dengan mesin untuk dijadikan makanan kucing secara percuma di Seremban 2. (Foto Hastiyasyah Sabudin)